

BAB II

PENGAJIAN (STAM) DAN MORFOLOGI BAHASA ARAB

DI SEKOLAH AGAMA PERAK

2.1 Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) ialah penilaian dan pensijilan agama bertaraf kebangsaan yang diiktiraf setaraf dengan sijil persekolahan menengah Ma'ahad Al-Bu'uth Al-Islamiyyat Al-Azhar Al-Syarif, Mesir. Perlaksanaannya bertujuan menyelaraskan kurikulum peperiksaan dan pensijilan 26 Sijil Tinggi Agama (STA) atau Sijil Tinggi U gama (STU) seluruh negeri di Malaysia di bawah satu pensijilan yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran Malaysia (LPKPM). Antara matlamat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) juga ialah untuk mendapatkan pengiktirafan bagi kemasukan pelajar aliran agama ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Timur Tengah khususnya Universiti Al-Azhar dan IPTA di bawah penyelarasan Jabatan Pendidikan Tinggi Kementerian Pelajaran Malaysia. Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) mula dilaksanakan pada tahun 2000 dan tahun diterima untuk kemasukan ke Universiti Al-Azhar pada sesi 2001/2002.

2.1.1 Latar Belakang Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) diwujudkan hasil rundingan secara rasmi kerajaan Malaysia dengan pihak Al-Azhar Al-Syarif, Mesir bagi membentuk satu format pensijilan tinggi agama atau bahasa Arab yang standard bertujuan memudahkan urusan penilaian, penyelarasan dan kemasukan pelajar ke universiti tersebut. Menurut Ismail Omar et al. (Prosiding Wacana Pendidikan Islam, 2002:60), satu pementeraan persefahaman akademik dan kebudayaan antara KPM (ketika itu Kementerian Pendidikan Malaysia) dengan pihak Al-Azhar Al-Syarif telah ditandatangani di Kuala Lumpur pada 18 November 1999. Hasilnya peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) mula dilaksanakan mulai tahun 2000 bagi pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) seluruh Malaysia. Surat pekeliling Lembaga Peperiksaan Malaysia bil. 1/2001 bertarikh 3 Januari 2001 mengenai pengiktirafan sijil-sijil Malaysia untuk masuk ke universiti Al-Azhar telah disampaikan kepada JPN negeri, Jabatan Agama Islam Negeri dan Yayasan Islam Negeri. Serentak dengan itu beberapa siri taklimat mengenai format pelaksanaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) telah disampaikan kepada pihak-pihak tersebut mengikut zon masing-masing.

Sijil-sijil Tinggi Agama seperti STA atau STU yang dikendalikan oleh negeri-negeri mula dimansuhkan kecuali yang masih dijalankan atas faktor-faktor tertentu seperti STU yang dikendalikan oleh Yayasan Islam Kelantan (YIK). Pelajar-pelajar dari YIK masih mengambil peperiksaan STU pada tahun 2000 dan 2001 mengikut laporan bahagian dalam peperiksaan.

Kini semua pelajar sekolah-sekolah Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) diseluruh Malaysia telah menjadikan STAM sebagai persijilan tertinggi dalam bidang Agama melayakkan mereka menyambung pelajaran dalam program ijazah pertama yang ditetapkan oleh Universiti Al-Azhar dan pusat-pusat pengajian tinggi yang mengendalikan program kerjasama dengan Universiti Al-Azhar di Malaysia. Pemegang sijil STAM juga berpeluang mengikuti program-program pengajian ijazah pertama di IPTA dalam negeri.

Menurut Azran Yusop (2003:37), STAM yang dibuat bersama pihak Al-Azhar untuk digunakan bagi tujuan memilih pelajar-pelajar yang akan memasuki Universiti Al-Azhar dengan standard pencapaian yang sama juga telah dapat menyelaraskan kurikulum sekolah-sekolah Agama. Kini STAM telah digunakan juga untuk tujuan memilih pelajar-pelajar memasuki Institusi Pengajian Tinggi tempatan dalam pelbagai bidang.

2.1.2 Sistem Pensijilan dalam Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) mempunyai bentuk pensijilan yang agak unik berbanding dengan sijil-sijil peperiksaan lain di Malaysia. Ini adalah kerana pelaksanaan STAM hasil daripada kerjasama pelbagai pihak yang membuat dasar, merancang mengendalikan dan melaksanakannya. Kurikulum STAM diambil daripada Al-Azhar. Peperiksaannya dikendalikan oleh KPM dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), penyediaan calon, pembelajaran dan penilaian peringkat sekolah pula dikendalikan oleh Jabatan Agama atau Yayasan Islam di setiap negeri.

Pelaksanaannya memerlukan penglibatan dan kerjasama pelbagai pihak termasuk penglibatan pusat, negeri dan sekolah. Keunikan sistem pensijilan STAM jelas dapat diperlihatkan melalui pelaksanaan kurikulum, bahan teks, format pensijilan dan calon-calon yang menduduki peperiksaan ini.

2.1.3 Sukatan Pelajaran.

Sukatan pelajaran Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) pada peringkat awal pelaksanaannya berasaskan kepada kurikulum yang telah dilaksanakan oleh pensijilan Sijil Tinggi Agama (STA) atau Sijil Tinggi Ugama (STU) negeri-negeri. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Bahagian Kurikulum Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Bahagian Buku Teks (BBT), dan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) telah mengambil inisiatif menyediakan sukatan ini dalam bentuk baru dan mula dilaksanakan pada tahun 2003. Sukatan pelajaran ini merupakan sukatan yang telah disemak semula selaras dengan perubahan kurikulum baru MBIA. Pelaksanaan perguruan dan pembelajaran mengikut kurikulum baru ini bermula pada tahun 2003, manakala peperiksaan dimulakan pada tahun 2004 (Format Pentaksiran Lembaga Peperiksaan, 2003:1)

Sebanyak sepuluh mata pelajaran ditawarkan dalam STAM. Calon bagi kali pertama wajib mendaftar dan menduduki semua mata pelajaran tersebut. Sementara calon yang mengulang, boleh memilih untuk mendaftar dan menduduki mana-mana mata pelajaran

yang ingin diperbaiki dalam tempoh tiga tahun mulai daripada tarikh keputusan peperiksaan yang pertama kali diduduki.

Rajah 2.1: Jadual kod dan nama mata pelajaran.

Bil.	Kod Mata Pelajaran	Nama mata Pelajaran
1	S101	Hifz Al-Qura:n dan Tajwi:d
2	S102	Fiqh
3	S103	Tauhi:d dan Mantiq
4	S104	Tafsi:r dan ‘Ulu:muhu
5	S105	Hadi:th dan Muṣṭala:h
6	S106	Nahu dan Ṣarf
7	S107	Insyā’ dan Muṭa:la‘aṭ
8	S108	Adab dan Nuṣu:ṣ
9	S109	‘Aruḍ dan Qa:fiyaṭ
10	S110	Bala:ghaṭ

Setiap mata pelajaran mempunyai dua kertas ujian dengan kod dan bentuk ujian yang berbeza. Bentuk ujian dilaksanakan sama ada dalam bentuk subjektif, objektif, lisan dan kertas kerja mengikut ketetapan yang ditentukan bagi setiap mata pelajaran oleh LPM. Kod

kertas ujian, nama kertas ujian dan bentuk ujian mata pelajaran tersebut ialah seperti jadual berikut berikut:

Rajah 2.2: Jadual ujian bagi mata pelajaran STAM.

Bil.	Kod Kertas Ujian	Nama Kertas Ujian	Bentuk Ujian
1	S101/21	Hifz Al-Qura:n dan Tajwi:d	Subjektif
	S101/31	Hifz Al-Qura:n	Lisan
2	S102/11	Fiqh	*Objektif
	S102/21		Subjektif
3	S103/11	Tauhi:d dan Mantiq	*Objektif
	S103/21	Tauhi:d dan Mantiq	Subjektif
4	S104/11	Tafsi:r dan ‘Ulu:muhu	*Objektif
	S104/21	Tafsi:r dan ‘Ulu:muhu	Subjektif
5	S105/21	Hadi:th dan Muştala:h	Subjektif
	S105/32	Hadi:th	Lisan
6	S106/11	Nahu dan Şarf	**Objektif
	S106/21	Nahu dan Şarf	Subjektif

7	S107/21	Insya' dan Muṭa:la'at	Subjektif
	S107/31	Muṭa:la'at	Lisan
8	S108/21	Adab dan Nuṣuṣ	Subjektif
	S108/41	Adab dan Nuṣuṣ	Kerja Kursus
9	S109/11	'Arud dan Qa:fiyaṭ	**Objektif
	S109/21	'Arud dan Qa:fiyaṭ	Subjektif
10	S110/21	Bala:ghaṭ	Subjektif
	S110/41	Bala:ghaṭ	Kerja Kursus

(*) Objektif pelbagai bentuk – Calon boleh menjawab dalam kertas soalan.

(**) Objektif aneka pilihan – Calon menjawab dalam kertas JOB/OMR.

Peperiksaan ujian bertulis akan dijalankan pada bulan Oktober setiap tahun, manakala ujian lisan pada bulan Julai. Calon dimestikan menghadiri dan mengambil peperiksaan semua kertas yang didaftarkan termasuk komponen ujian lisan dan kerja kursus. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan kertas-kertas tersebut akan dikira tidak hadir (Peraturan dan Panduan Peperiksaan STAM. 2005: 4-5)

2.1.4 Buku Teks.

Buku teks yang dijadikan teks pengajian STAM keseluruhannya berasal daripada buku-buku teks Ma'ahad Al-Bu'uth Al-Islamiyyat. Pada peringkat awal pelaksanaan STAM, buku-buku yang digunakan merupakan salinan langsung daripada cetakan asal Al-Azhar. Malah sebenarnya telah digunakan semenjak pelaksanaan kurikulum MBIA dalam STA/STU di setiap negeri melalui kata pengantar ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dalam buku-buku teks tersebut. Bermula tahun 2003 KPM telah mendapat kebenaran daripada Universiti Al-Azhar Al-Syarif untuk mencetak dan mengedar buku-buku teks tersebut tertakluk kepada naskhah asal sebanyak 17 buah judul tanpa mengubah aspek kandungan buku teks yang diterbitkan. Ini adalah wakaf daripada Universiti Al-Azhar Al-Syarif kepada pelajar-pelajar Malaysia dalam usaha mengembangkan ilmu pengetahuan dan bahasa Arab.

Buku-buku yang dicetak oleh KPM ini telah melalui proses penyemakan, penyuntingan dan pemurnian yang dibuat oleh KPM dengan kerjasama JAKIM, JAPIM dan LPM. Bahagian buku teks KPM telah melaksanakan proses perakuan bagi meningkatkan kualiti persembahan bahan buku teks khususnya dari aspek atur huruf, grafik, reka bentuk dan reka letak halaman. Langkah murni ini adalah sebahagian usaha menghasilkan buku-buku teks STAM yang lebih menarik dan berkesan selaras dengan kehendak spesifikasi buku-buku teks KPM yang lain.

2.1.5 Format Pensijilan.

Sijil STAM akan dianugerahkan kepada yang lulus sekurang-kurangnya maqbu:l (lulus) bagi semua mata pelajaran. Calon yang gagal satu mata pelajaran atau lebih hanya akan diberi pernyataan keputusan. Sijil juga akan dikeluarkan dalam dua versi iaitu versi bahasa Melayu dan bahasa Arab. Keterangan pencapaian keputusan pangkat bagi tiap-tiap mata pelajaran dan sijil seperti dinyatakan dalam jadual berikut:

Rajah 2.3: Jadual keputusan sijil STAM berdasarkan pangkat.

Pangkat	Takrif
<i>Mumta:z</i>	Cemerlang
<i>Jayyid Jiddan</i>	Sangat Baik
<i>Jayyid</i>	Baik
<i>Maqbu:l</i>	Lulus
<i>Rasib</i>	Gagal

Manakala calon yang tidak memenuhi syarat iaitu tidak mengikuti peperiksaan semua kertas bagi mata pelajaran yang didaftarkan termasuk ujian lisan dan kerja kursus, jika berkenaan. Calon yang tidak hadir mana-mana kertas bagi satu-satu mata pelajaran dikira sebagai tidak hadir peperiksaan bagi mata pelajaran tersebut. Maka calon ini dianggap tidak memenuhi syarat dan tidak layak mendapatkan sijil STAM.

2.2 Silibus Pengajian Morfologi Bahasa Arab.

Para pelajar yang mempelajari morfologi akan mengikuti gabungan dua silibus iaitu silibus yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) dan silibus yang terdapat dalam kokurikulum pelajaran bahasa Arab dalam buku teks bahasa Arab yang mendapat kelulusan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia.

2.2.1 Silibus Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk).

Silibus pengajian morfologi yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) bagi sekolah agama di negeri Perak. Silibus tersebut diguna pakai di sekolah agama negeri Perak. Silibus tersebut terbahagi kepada dua peringkat iaitu silibus bagi *i'da:diyy* dan juga *tha:nawiyy*. Bagi *i'da:diyy* terdapat dua peringkat silibus iaitu *i'da:diyy* pertama dan *i'da:diyy* kedua. *I'da:diyy* pertama bersamaan tingkatan satu dan *i'da:diyy* kedua bersamaan tingkatan dua. Manakala bagi *tha:nawiyy* juga terdapat dua peringkat iaitu *tha:nawiyy* pertama dan juga *tha:nawiyy* kedua. *Tha:nawiyy* pertama bersamaan tingkatan tiga dan *tha:nawiyy* kedua bersamaan tingkatan empat.

Kitab rujukan utama yang digunakan bagi silibus pengajian *ṣarf* yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) bagi sekolah agama di negeri Perak ialah *Matn al-Bina: 'Wa Matn al-Taṣri:f al-'Izziyy* karangan Abdullah al-Danqiriyy.

2.2.1.1 I'da:diyy Pertama.

Silibus bagi *i'da:diyy* pertama iaitu tingkatan satu adalah perbahasan berkisar tentang kata kerja tiga huruf yang tidak terdapat penambahan huruf. Perbahasan yang dijadikan silibus adalah seperti berikut:

1. Pola kata pertama bagi kata kerja tiga huruf yang tidak terdapat penambahan huruf adalah: فَعْلٌ – يَفْعُلُ Contoh نَصَرَ – يَنْصُرُ.
Kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif.
2. Pola kata kedua bagi kata kerja tiga huruf yang tidak terdapat penambahan huruf adalah: فَعْلٌ – يَفْعِلُ Contoh ضَرَبَ – يَضْرِبُ.
3. Pola kata kedua bagi kata kerja tiga huruf yang tidak terdapat penambahan huruf adalah: فَعْلٌ – يَفْعُلُ Contoh فَتَحَ – يَفْتَحُ.
4. Pola kata keempat bagi kata kerja tiga huruf yang tidak terdapat penambahan huruf adalah: فَعِلٌ – يَفْعِلُ Contoh عَلِمَ – يَعْلَمُ.
5. Pola kata kelima bagi kata kerja tiga huruf yang tidak terdapat penambahan huruf adalah: فَعِلٌ – يَفْعِلُ Contoh حَسِبَ – يَحْسِبُ .
6. Pola kata keenam bagi kata kerja tiga huruf yang tidak terdapat penambahan huruf adalah: فَعْلٌ – يَفْعُلُ Contoh حَسَنَ – يَحْسُنُ.

(Dalil: l al-Manhaj al-Dirasiyy li-Ma:daṭ al-Şarf, li-Şaf al-Awwal al-I'da:diyy, Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk).)

2.2.1.2 *I'da:diyy* Kedua.

Silibus bagi *i'da:diyy* kedua iaitu tingkatan dua adalah perbincangan berkisar tentang perbincangan kata kerja empat huruf. Perbincangan yang dijadikan silibus adalah seperti berikut: Kata kerja empat huruf yang tidak terdapat penambahan huruf iaitu menggunakan wazan: $\text{فَعَّلَ} - \text{يُفَعِّلُ}$ contoh $\text{دَحْرَج} - \text{يُدْحِرُجُ}$.

1. Enam pecahan yang diambil daripada pecahan kata kata kerja tiga huruf yang tidak terdapat penambahan huruf, iaitu:

- a. $\text{فَعَّلَ} - \text{يُفَعِّلُ}$.
- b. $\text{فَعَّلَ} - \text{يُفَعِّلُ}$.
- c. $\text{فَعَّلَ} - \text{يُفَعِّلُ}$.
- d. $\text{فَعَّلَ} - \text{يُفَعِّلُ}$.
- e. $\text{فَعَّلَ} - \text{يُفَعِّلُ}$.
- f. $\text{فَعَّلَ} - \text{يُفَعِّلُ}$.

2. Kata kerja empat huruf yang terdapat penambahan huruf. Penambahan huruf terbahagi kepada dua bahagian, iaitu:

- a. Penambahan satu huruf tambahan dan terdapat satu wazan, iaitu:

- i. $\text{فَعَّلَ} - \text{يُفَعِّلُ}$.

- b. Penambahan dua huruf tambahan.

- i. $\text{فَعَّلَ} - \text{يُفَعِّلُ}$.

- ii. $\text{فَعَّلَ} - \text{يُفَعِّلُ}$.

3. Lima pecahan kata yang diambil daripada kata kerja يُدْخِرُ , iaitu:

- a. تَفَعَّلَ .
- b. تَفَوَّعَلَ .
- c. تَفَيَّعَلَ .
- d. تَفَعَّوَلَ .
- e. تَفَعَّلَى .

4. Dua pecahan kata yang diambil daripada kata kerja اِحْرَجَ , iaitu:

- a. اِفْعَنْلَلَ .
- b. اِفْعَنْلَلَى .

(Dalil: l al-Manhaj al-Dirasiyy li-Ma:daṭ al-Şarf, li-Şaf al-Tha:niyy al-I'da:diyy, Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk).)

2.2.1.3 *Tha:nawiyy* Pertama.

Silibus bagi *tha:nawiyy* pertama iaitu tingkatan tiga adalah seperti berikut: Takrif Taşrif dari segi bahasa dan istilah.

1. Pembahagian pola kata fi' il tiga huruf tanpa penambahan huruf. Terdapat enam pola kata, iaitu:

- i. يَفْعُلُ — فَعَلَ .
- ii. يَفْعِلُ — فَعَلَ .
- iii. يَفْعَلُ — فَعَلَ .
- iv. يَفْعَلُ — فَعِلَ .

v. يَفْعِلُ - فَعِلَ .

vi. يَفْعُلُ - فَعُلَ .

2. Fi‘il empat huruf tanpa penambahan huruf. Terdapat satu wazan iaitu:

i. يُفَعِّلُ - فَعَّلَ .

3. Fi‘il tiga huruf yang terdapat huruf tambahan. Terdapat tiga bahagian, iaitu:

a. Penambahan satu huruf.

i. يُفْعِلُ - أَفْعَلَ .

ii. يُفْعَلُ - فَعَّلَ .

iii. يُفَاعِلُ - فَاعَلَ .

b. Penambahan dua huruf.

i. يَتَفَعَّلُ - تَفَعَّلَ .

ii. يَنْفَعِلُ - انْفَعَلَ .

iii. يَتَفَاعَلُ - تَفَاعَلَ .

iv. يَفْتَعِلُ - افْتَعَلَ .

v. يَفْعَلُ - افْعَلَّ .

c. Penambahan tiga huruf, iaitu:

i. يَسْتَفْعِلُ - اسْتَفْعَلَ .

ii. يَفْعَوَعَلُ - افْعَوَعَلَ .

iii. يَفْعَنْلِلُ - افْعَنْلَلَ .

iv. يَفْعَنْلِي - افْعَنْلَى .

v. يَفْعَوَلُ - افْعَوَلَ .

5. Perbahasan taṣri:f fi‘il.

- a. Fi‘il ma:ḍi.
- b. Fi‘il muḍa:ri‘.
- c. Fi‘il amr.

6. Ism fa:‘il dan ism maf‘u:l.

- a. Wazan fa:‘il.
- b. Wazan maf‘u:l.

7. Perbahasan muḍa‘af dalam fi‘il yang tidak terdapat penambahan huruf dan juga fi‘il yang terdapat penambahan huruf.

(Dalil:l al-Manhaj al-Dirasiyy li-Ma:daṭ al-Ṣarf, Li-Ṣaf al-Awwal al-Tha:nawiyy, Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk).)

2.2.1.4 Tha:nawiyy Kedua.

Silibus bagi *tha:nawiyy* kedua iaitu tingkatan empat adalah seperti berikut:

1. Fi‘il mu‘tal.
2. Fi‘il mu‘tal fa:’.
3. Fi‘il mu‘tal ‘ain.
4. Fi‘il mu‘tal la:m.
5. Keadaan ism fa:‘il dan ism maf‘ul daripada fi‘il mu‘tal yang tiga huruf asal.
6. Keadaan ism fa:‘il dan ism maf‘ul daripada fi‘il mu‘tal yang terdapat penambahan huruf.

7. Fi‘il mu‘tal ‘ain dan la:m dan juga fi‘il mu‘tal fa:’ dan la:m.
8. Fi‘il mu‘tal fa:’ dan ‘ain dan juga fi‘il mu‘tal fa:’, ‘ain dan la:m.
9. Fi‘il mahmu:z.
10. Fi‘il-fi‘il mahmu:z dalam bentuk ma:di, muḍa:ri‘ dan amr.
11. Ism zaman dan ism makan.
12. Ism a:laṭ.

(Dalil:l al-Manhaj al-Dirasiyy li-Ma:daṭ al-Ṣarf, li-Ṣaf al-Tha:niyy al-Tha:nawiyy, Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk).)

2.2.1.5 Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Silibus bagi Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) menggunakan kitab Al-Ṣarf al-Mulakhaṣ al-Muyassir, al-Shaha:daṭ al-Di:niyyaṭ al-‘A:lamiyyaṭ al-Ma:liziyyaṭ, Penerbitan al-Azhari. Silibusnya adalah seperti berikut:

1. Hamzaṭ waṣa:l.
2. Ibda:l dan i‘la:l.
3. Ibda:l huruf hamzaṭ.
4. Ibda:l antara huruf ‘illah dengan huruf ‘illah yang lain.
5. Ibda:l antara huruf ‘illah dengan bukan huruf ‘illah.
6. I‘la:l secara perpindahan.
7. I‘la:l secara penukaran.

(Penerbitan al-Azhari, tt.)

2.2.2 Silibus Morfologi bahasa Arab dalam pelajaran bahasa Arab (KBSM).

Penulis telah melakukan penelitian terhadap buku teks bahasa Arab tingkatan satu hingga tingkatan lima yang digunapakai dalam pembelajaran bahasa Arab di sekolah yang menawarkan pelajaran bahasa Arab. Buku teks tersebut merupakan buku teks yang mendapat kelulusan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia. Tajuk-tajuk perbahasan morfologi bahasa Arab yang dijadikan silibus dalam pelajaran bahasa Arab adalah seperti berikut:

2.2.2.1 Tingkatan Satu.

Penulis mendapati tidak terdapat tajuk perbahasan yang khusus tentang morfologi bahasa Arab dalam sukatan pelajaran tingkatan satu yang menggunakan buku teks KBSM *al-Lughat al-Arabiyyat li-Sana' al-U:la:*. (Muhammad bin Seman et. al, 2007)

2.2.2.2 Tingkatan dua.

Pelajaran *al-Lughat al-Arabiyyat li-Sana' al-Tha:niyyat*.

1. Dalam pelajaran ketiga dengan tajuk perbahasan pembahagian *fi'il* berdasarkan masa berlaku perbuatan (*fi'il ma:di*, *fi'il muḍa:ri'* dan *fi'il amr*).
2. Dalam pelajaran kelima dengan tajuk perbahasan *al-fa:'il*.
3. Dalam pelajaran keenam dengan tajuk perbahasan *al-maf'u:l*.

(Muhammad Nasruddin bin Muhammad Hashim et. al, 2008)

2.2.2.3 Tingkatan Tiga.

Pelajaran al-Lughat al-Arabiyyat li-Sanaṭ al-Tha:lithat.

1. Dalam pelajaran pertama dengan tajuk perbahasan al-fi‘il al-ma:ḍiyy, al-fi‘il al-muḍa:ri‘ dan fi‘il al-amr.
2. Dalam pelajaran kedua dengan tajuk perbahasan al-fi‘il al-mabniy li-ma‘lu:m dan al-fi‘il al-mabniy li-majhu:l.

(Irma Martini binti Mat Yasim et. al, 2009)

2.2.2.4 Tingkatan empat.

Pelajaran al-Lughat al-Arabiyyat li-Sanaṭ al-Ra:biat.

1. Dalam pelajaran keenam dengan tajuk perbahasan al-af‘a:l al-khamsat.
2. Dalam pelajaran kelapan dengan tajuk perbahasan pola kata dan al-musytaqqa:t.
3. Dalam pelajaran sembilan dengan tajuk perbahasan al-fi‘il al-ṣahi:h dan al-fi‘il al-mu‘tal.
4. Dalam pelajaran sepuluh dengan tajuk perbahasan al-ism al-maqsu:r, al-manqu:ṣ dan al-mamdu:d.

(Mat Nawi bin Mat Jusah et. al, 2010)

2.2.2.5 Tingkatan Lima.

Pelajaran al-Lughat al-Arabiyyat li-Sanaʿ al-Kha:misaʿ.

1. Dalam pelajaran kesepuluh dengan tajuk perbahasan al-i‘la:l dan al-ibda:l.
2. Dalam pelajaran kesebelas dengan tajuk perbahasan al-fi‘il al-ṣahi:h dan al-fi‘il al-mu‘tal.
3. Dalam pelajaran keduabelas dengan tajuk perbahasan penggabungan al-ḍama:’ir ke dalam fi‘il-fi‘il.
4. Dalam pelajaran ketigabelas dengan tajuk perbahasan al-af‘a:l al-khamsaʿ.
5. Dalam pelajaran kelimabelas dengan tajuk perbahasan ism al-maqsu:r, al-manqu:ṣ dan al-mamdu:d.

(Muhammad Nasruddin bin Muhammad Hashim et. al, 2006)

Secara keseluruhan silibus perbincangan ṣarf dalam silibus KBSM dapat dijelaskan dalam rajah berikut:

Rajah 2.4: Jadual silibus pengajian ṣarf dalam silibus KBSM.

Tingkatan	Bab	Tajuk	Tajuk Berganda
Satu	Tiada	Tiada	
Dua	3	Fi‘il ma:ḍi, fi‘il muḍa:ri‘ dan fi‘il amr	√(a)
	5	Al-fa:‘il	
	6	Al-maf‘u:l	

Tiga	1	Al-fi‘il al-ma:diyy, al-fi‘il al-muḍa:ri‘ dan fi‘il al-amr	√(a)
	2	Al-fi‘il al-mabniy li-ma‘lu:m dan al-fi‘il al-mabniy li-majhu:l	
Empat	6	Al-af‘a:l al-khamsaṭ	√(b)
	8	Pola kata dan al-musytaqqa:t	
	9	Al-fi‘il al-ṣahi:h dan al-fi‘il al-mu‘tal	√(c)
	10	Al-ism al-maqsu:r, al-manqu:ṣ dan al-mamdu:d	√(d)
Lima	10	Al-i‘la:l dan al-ibda:l	
	11	Al-fi‘il al-ṣahi:h dan al-fi‘il al-mu‘tal	√(c)
	12	Penggabungan al-ḍama:’ir ke dalam fi‘il-fi‘il	
	13	Al-af‘a:l al-khamsaṭ	√(b)
	15	Ism al-maqsu:r, al-manqu:ṣ dan al-mamdu:d	√(d)

Berdasarkan jadual tersebut jelas menunjukkan bahawa silibus KBSM yang disediakan dalam sukatan pelajaran bahasa Arab tidak menyeluruh dan terdapat pertindanan antara tajuk-tajuk perbincangan seperti tajuk perbahasan Fi‘il ma:ḍi, fi‘il muḍa:ri‘ dan fi‘il amr telah dipelajari pada tingkatan satu dan tajuk tersebut dibincangkan semula semasa tingkatan dua. Begitu juga dengan tajuk perbahasan al-ism al-maqsu:r, al-manqu:ṣ dan al-mamdu:d telah dipelajari pada tingkatan empat dan tajuk tersebut dibincangkan semula semasa tingkatan lima dan terdapat juga beberapa tajuk yang lain. Berdasarkan jadual tersebut juga terdapat bahagian-bahagian penting tidak dimasukkan seperti al-fi‘il al-thula:siyy al-mazi:d, al-fi‘il al-ruba:’iyy dan perbahasannya.

2.3 Latar Belakang Populasi Kajian.

Bahagian ini penulis akan menjelaskan tentang populasi yang dijadikan tempat kajian. Penulis akan menceritakan sejarah penubuhan dan perkembangan kurikulum dan kokurikulum sekolah-sekolah tersebut.

2.3.1 SABK Maahad Al-Tarbiah Al-Islamiah.

Sekolah Maahad Al-Tarbiah Al-Islamiah sebuah sekolah agama yang terletak di Changkat Jering, Perak. Sejarah penubuhan sekolah tersebut bermula dengan penubuhan kelas pengajian agama dan Al-Quran pada tahun 1958 hasil kesedaran kepentingan ilmu agama kepada generasi muda. Para pengasas yang terdiri daripada Ustaz Hj Salleh, Ustaz Abdul Samad, Ustaz Omar, Ustaz Abdul Muin Tahir dan penduduk kampung Senduk telah membina dan merealisasikan Kelas Pengajian Agama dan Al Quran yang bertempat bersebelahan dengan bangunan surau kampung Senduk.

Pada tahun 1959 masyarakat Kampung Senduk telah menubuhkan jawatankuasa yang bertanggungjawab kepada perjalanan dan kemajuan Kelas Pengajian Agama dan Al Quran. Kelas tersebut telah berjalan dengan baik dalam sebuah binaan beratapkan rumbia yang telah dibina dan diberi nama Taman Didikan Islam. Pada tahun 1964 sekolah tersebut telah berpindah ke lokasi baru yang terletak bersebelahan jalan besar Trong dan majlis perasmian bangunan tersebut telah disempurnakan oleh YAB Dato' Ahmad Said iaitu Menteri Besar Perak ketika itu.

Sejarah yang panjang semenjak penubuhan sekolah tersebut telah mencapai banyak kemajuan terutama dalam perkembangan akademik dan kurikulum. Pada tahun 1961 sekolah tersebut telah memperkenalkan mata pelajaran akademik selaras dengan kurikulum Kementerian Pelajaran dan juga pengiktirafan sebagai sekolah menengah rendah oleh kerajaan negeri. Manakala pada tahun 1974 sekolah tersebut telah dinaiktarafkan menjadi sekolah Menengah Agama Islam Perak dan telah ditukar nama kepada Sekolah Menengah Agama Taman Didikan Islam (SEMADI).

Pada tahun 1976 kumpulan pelajar pertama menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan pada tahun 1977 kumpulan pelajar pertama menduduki Sijil Persekolahan Peringkat Thanawi dan juga Tingkatan Enam jurusan Syariah dijalankan. Pada tahun 1982 sekolah tersebut telah mencapai kemajuan yang memberangsangkan dengan peningkatan para pelajar mencapai 800 orang dengan kelengkapan prasarana yang baik dan pada tahun tersebut nama sekolah telah ditukar kepada Maahad Al-Tarbiah Al-Islamiah.

Sekolah Maahad Al-Tarbiah Al-Islamiah telah mengorak langkah ke hadapan pada tahun 1987 apabila berjaya memjalankan Kursus Bahasa Arab Daurah Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiah anjuran bersama Universiti Islam Madinah dan pengiktirafan Universiti Islam Madinah bagi pelajar Maahad Al-Tarbiah Al-Islamiah menyambung pelajaran ke universiti tersebut. Pelajar-pelajar Maahad Al-Tarbiah Al-Islamiah juga mula membanjiri institusi pengajian di Arab Saudi, India, Mesir, Jordan dan lain-lain. Dalam menyediakan peluang para pelajar melanjutkan pengajian ke universiti Timur Tengah sekolah juga menjalankan Sijil Tinggi Agama (STA) yang dikelola oleh Jabatan Agama Islam Negeri Perak. Namun pada tahun 2000 Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) telah diperkenalkan dan sekolah

tersebut telah menjalankan sijil tersebut semenjak diperkenalkan. Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) adalah hasil kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Universiti Al-Azhar. Ia bertujuan menyelaraskan beberapa peperiksaan persendirian yang dijalankan sebelum ini seperti Sijil Tinggi Kolej dan Sijil Tinggi Agama Negeri dan lain-lain.

Pada tahun 2006 status sekolah ini telah dinaiktaraf menjadi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan bilangan pelajar Maahad Al-Tarbiah Al-Islamiah sekarang mencapai 617 orang pelajar dengan tenaga pengajar seramai 52 orang dalam pelbagai bidang. Seramai sebelas orang tenaga pengajar terlibat khusus dalam pengajaran pelajaran bahasa Arab atau pelajaran yang menggunakan bahasa penghantar bahasa Arab seperti pelajaran Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

2.3.2 Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah.

Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah dibangunkan pada tahun 1960 di tapak yang seluasnya 9 ekar di Jalan Tambun, Ipoh. Nama sekolah Raja Perempuan Ta'ayah telah diambil sempena nama Raja Perempuan Perak ketika itu, iaitu Raja Perempuan Ta'ayah. Sekolah asal bagi Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah ialah Sekolah Agama Menengah Perak yang terletak di Jalan Kampung Simee, iaitu bekas Khemah Tahanan Politik. Kemudian sekolah ini berpindah ke sekolah yang ada sekarang di Jalan Tambun, Ipoh. Kemasukan pelajar pertama bermula pada tahun 1960 iaitu seramai 80 orang pelajar dan 6 bulan kemudian seramai 80 orang pelajar lagi diterima masuk.

Pengasas sekolah ini ialah Tan Sri Ghazali Jawi. Beliau telah mencetuskan idea untuk mewujudkan sekolah ini iaitu apabila Allahyarham Tan Sri Ghazali Jawi iaitu Menteri Besar Perak ketika itu menyedari masalah ketiadaan sekolah menengah agama sebagai tempat para pelajar daripada sekolah-sekolah kebangsaan atau sekolah rendah di seluruh negeri Perak melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah. Pada tahun 1962 majlis perasmian Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Sri Sultan Yussuf Izzudin iaitu Sultan Perak yang ke-32.

Sekolah ini merupakan sekolah berasrama penuh dibawah kerajaan negeri yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Perak melalui Hal Ehwal Jabatan Agama Perak. Penubuhan sekolah agama ini mempunyai tujuan yang besar untuk menyampaikan pengajaran Islam melalui sistem persekolahan kepada pelajar perempuan. Sebagai sebuah sekolah asrama dan juga berperanan menyediakan individu-individu yang boleh melengkapkan diri sebagai seorang muslimah yang berakhlak dan bertanggungjawab kepada agama dan masyarakat.

Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah atau SERATA merupakan Sekolah Menengah Agama yang mempunyai bahasa pengantar Bahasa Melayu dan Bahasa Arab. Pada tahun 1986, kelas Sijil Tinggi Agama ditubuhkan. Setahun kemudian, iaitu 1987 kelas Sijil Tinggi Agama (STA) telah mendapat pengiktirafan daripada Universiti Al-Azhar, Mesir. Kemudian kelas STA telah ditukar menjadi Matrikulasi Al-Azhar bagi para pelajar lepasan SPM. Manakala Pada tahun 2000 Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) telah diperkenalkan dan sekolah tersebut telah menjalankan sijil tersebut semenjak diperkenalkan.

Permohonan untuk melanjutkan pelajaran ke Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah sangat ramai, namun pengambilan pelajar mengikut kouta dan tempat yang ditawarkan adalah terhad. Para pelajar sekolah ini juga aktif dalam perkembangan kokurikulum seperti penglibatan para pelajar dalam pelbagai aktiviti sukan seperti hoki, bola jaring dan lain-lain lagi. Para pelajar juga bergiat aktif dalam acara-acara pertandingan dalam dewan seperti pidato, debat, nasyid dan lain-lain lagi. Sekolah ini juga telah menubuhkan kumpulan nasyid seawal tahun 1972 yang sering mengharumkan nama sekolah dan sekarang kumpulan nasyid tersebut dikenali dengan nama Ainul Yaqin.

2.3.3 Sejarah Penubuhan Sekolah Menengah Al-Hidayah.

Pada sekitar awal tahun 1988 beberapa individu yang terdiri dari pensyarah-pensyarah Universiti Sains Malaysia cawangan Perak, pensyarah-pensyarah Politeknik Ungku Omar, Ipoh dan guru-guru Sekolah Kerajaan telah memulakan satu usaha untuk menubuhkan sebuah Sekolah Rendah Bersepadu yang menggabungkan pendidikan akademik dan agama. Justeru itu penubuhan Sekolah Rendah Bersepadu yang dihasratkan ini adalah dalam rangka untuk mengintegrasikan kedua-dua komponen tersebut dalam satu sistem pendidikan yang berkonsepkan Islam.

Hasil perbincangan dan penelitian yang mendalam maka pada tahun 1989, pihak Lembaga Pendidikan Al-Hidayah dengan rasminya telah menubuhkan Sekolah Rendah Al-Hidayah. Pada hujung tahun 1989 Sekolah Rendah Al-Hidayah mula beroperasi dengan menyewa

sebuah rumah, 2 orang guru 19 orang pelajar di sebuah rumah banglo no.2 Jalan Madrasah, Rapat Setia, Ipoh, Perak.

Pada tahun 1989 juga Sekolah Rendah Al-Hidayah telah diluluskan pendaftaran oleh JAIPk. Kesenambungan daripada Sekolah Rendah Al-Hidayah maka pada tahun 1996 telah menubuhkan Sekolah Menengah Al-Hidayah. Pada awal Tahun 1997 pembinaan bangunan tetap untuk sekolah Rendah Al-Hidayah dan Menengah Al-Hidayah mula dilaksanakan. Pada tahun 1998 Sekolah Rendah telah berpindah ke bangunan baru, manakala Sekolah Menengah Al-Hidayah telah berpindah ke bangunan baru pada tahun 2002. Pembinaan bangunan tersebut hasil bantuan kewangan dari Majlis Agama Islam Perak.

Sekolah Menengah Al-Hidayah terdapat peningkatan dalam akademik dan kokurikulum. Pada tahun 2005 Sekolah Menengah Al-Hidayah telah mula menjalankan peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Bilangan pelajar sekolah tersebut sekarang mencecah 237 orang pelajar dengan tenaga pengajar seramai 26 orang dalam pelbagai bidang. Seramai tujuh orang tenaga pengajar terlibat khusus dalam pengajaran pelajaran bahasa Arab atau pelajaran yang menggunakan bahasa pengantar bahasa Arab seperti pelajaran pelajaran Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

2.3.4 SABK Maahad Al-Mizan.

Maahad Al-Mizan merupakan sekolah agama yang terletak di daerah Manong, Kuala Kangsar, Perak. Sekolah ini telah ditubuhkan pada tahun 1994. Penubuhan sekolah ini

telah diilhamkan oleh beberapa orang guru seperti Tuan Haji Megat Ridzuan Bin Megat Taib, Tuan Haji Zakaria Bin Haji Sulaiman dan beberapa orang lagi yang lain.

Penubuhan Maahad Al-Mizan tercetus hasil satu perjumpaan yang dilakukan oleh bekas-bekas pelajar Madrasah Hidayah Islamiyah, Jeliang, Manong yang berhasrat supaya terdapat sebuah sekolah agama di peringkat sekolah menengah bagi memastikan para pelajar dan penduduk setempat yang telah menamatkan pengajian di sekolah Madrasah Hidayah Islamiyah, Jeliang, Manong dapat melanjutkan pengajian ke peringkat menengah.

Pada sekitar tahun 1997-2003, sekolah ini menyaksikan pertumbuhan prasarana yang begitu pesat dan kemajuan akademik yang memberangsangkan dengan peningkatan para pelajar yang ramai. Maahad Al-Mizan sekarang dipimpin oleh Tuan Haji Megat Radzuan Bin Megat Taib yang telah dilantik sebagai pengetua yang kedua semenjak tahun 2000. Beliau seorang yang gigih dalam membangunkan sekolah dan beliau juga merupakan tokoh Maal Hijrah peringkat negeri Perak tahun 1432H.

Pada tahun 2005 Sekolah Maahad Al-Mizan telah mula menjalankan peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) iaitu setelah setahun diperkenalkan. Pada tahun 2005 status sekolah ini telah dinaiktaraf menjadi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan bilangan pelajar Maahad Al-Mizan sekarang mencecah 580 orang pelajar dengan tenaga pengajar seramai 52 orang dalam pelbagai bidang. Seramai sepuluh orang tenaga pengajar terlibat khusus dalam pengajaran pelajaran bahasa Arab atau pelajaran yang menggunakan bahasa pengantar bahasa Arab seperti pelajaran pelajaran Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Pelajar-pelajar juga bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti di peringkat daerah dan negeri seperti: pertandingan nasyid sekolah-sekolah agama rakyat peringkat negeri Perak, pertandingan tilawah Al-Quran dan lain-lain. Semenjak awal penubuhan sehingga sekarang, sekolah ini telah melahirkan ramai pelajar-pelajar berpotensi yang telah melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar Mesir dan di universiti-universiti tempatan.